



**JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

TAJUK : “MUHASABAH HIJRAH”

08 NOVEMBER 2013M / 04 MUHARRAM 1435H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

❁ وَمَنْ يَهَاجِرْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ تَجِدْ فِي الْأَرْضِ مُرَاعِمًا كَثِيرًا وَسَعَةً وَمَنْ تَخْرُجْ
مِنْ بَيْتِهِ مَهَاجِرًا إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ يُدْرِكْهُ الْمَوْتُ فَقَدْ وَقَعَ أَجْرُهُ عَلَى اللَّهِ
وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا ﴿١٠٠﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ . اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT SEKELIAN,

Khatib memperingatkan diri ini dan sidang jemaah yang dimuliakan sekalian, marilah kita bersama-sama bertaqwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar taqwa, agar kita dapat melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala tegahan-Nya. Marilah bersama kita berpegang kepada tali Allah SWT, yakni dengan menjaga hubungan kita sebagai hamba-Nya dan juga hubungan sesama insan, agar penyatuan ummah dapat direalisasikan bermula di dalam rumah Allah SWT yang penuh barakah ini. Nikmat Islam yang dikecapi dan hamparan luas keamanan yang kita nikmati selama ini, seharusnya kita syukuri dengan meningkatkan amal ibadah bagi memperkukuhkan lagi hubungan kita dengan Maha Pencipta lagi Maha Berkuasa serta menjalin eratkan hubungan kita sesama manusia. Semoga, hidup kita sentiasa dicucuri rahmat serta kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Firman Allah SWT di dalam Surah Ali-'Imran ayat 103 :

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا^ج

Maksudnya : " Dan berpegang teguhlah kamu semua kepada tali Allah, dan janganlah berpecah belah."

Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk **"MUHASABAH HIJRAH"**.

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Alhamdulillah, kita masih diberi peluang oleh Allah SWT untuk melangkah ke tahun baru dalam kalendar Islam iaitu tahun 1435H. Hari ini telah pun masuk hari yang keempat dalam bulan Muharram, iaitu bulan yang pertama dalam kalendar Islam. Apabila kita memperkatakan tentang hijrah, umum mengetahui serba sedikit tentang peristiwa-peristiwa penting yang berlaku dalam sejarah tamadun Islam. Menyingkap kembali peristiwa penting tersebut ialah perjalanan dan perjuangan Baginda Rasulullah SAW berhijrah dari Makkah menuju ke kota Madinah. Bagaimana kegigihan atas usaha mempertahankan aqidah ummah pada masa itu, dan di samping mentaati perintah Allah SWT, Baginda bersama sahabat menghadapi rintangan dan dugaan sejak awal berhijrah sehinggalah memasuki kota Madinah.

Peristiwa penting dalam sejarah ummat Islam yang berlaku pada tahun 622 Masihi ini, menjadi bukti perjuangan Rasulullah SAW bersama sahabatnya, antara lain bertujuan untuk menyelamatkan aqidah ummat Islam, memperluaskan medan dakwah, mewujudkan keharmonian sejagat dengan menyatupadukan perpaduan di kalangan ummat ketika itu serta menerajui kepimpinan dengan membangunkan pemerintahan yang berteraskan tauhid kepada Allah SWT. Kaum kafir Quraisy tidak pernah duduk diam untuk menghancurkan dakwah Baginda SAW. Malah Rasulullah SAW mengetahui konspirasi yang wujud terhadap dirinya dan pelbagai tipu daya yang dicipta oleh kaum kafir, walau bagaimanapun, segala usaha dan tipu daya mereka menemui kegagalan dan kaum kafir

Quraisy tidak berjaya untuk membunuh Baginda SAW. Perkara ini dijelaskan dalam firman Allah SWT di dalam surah al-Anfaal, ayat 30 :

وَإِذْ يَمْكُرُ بِكَ الَّذِينَ كَفَرُوا لِيُثْبِتُوكَ أَوْ يَقْتُلُوكَ أَوْ يُخْرِجُوكَ ۚ وَيَمْكُرُونَ

وَيَمْكُرُ اللَّهُ ۗ وَاللَّهُ خَيْرُ الْمَكْرِينِ ۗ

Yang bermaksud : *“Dan ingatlah ketika orang kafir Musyrik (Makkah) menjalankan tipu daya terhadapmu untuk menahanmu dan membunuhmu atau mengusirmu. Mereka menjalankan tipu daya dan Allah SWT menggagalkan tipu daya (mereka), kerana Allah SWT sebaik-baik yang menggagalkan tipu daya.”*

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Hijrah menurut Kamus Dewan membawa maksud 'perpindahan', dan jika kita tinjau dari pelbagai sudut, kita akan mengetahui bahawa ianya memberi erti yang begitu mendalam khususnya kepada diri kita ummat Islam. Hijrah itu sepatutnya bukan sekadar disambut hanya kerana adanya peristiwa besar dalam sejarah hidup Nabi Muhammad SAW dan bukan dirai sekadar melepaskan batuk di tangga sahaja. Ia merupakan sejarah agung yang mengandungi suka duka perjalanan hidup Baginda SAW dalam mengubah corak pemerintahan dan perjuangan demi menegakkan syiar Islam. Menurut pandangan Islam pula, hijrah itu harus difahami

sebagai perpindahan atau perubahan daripada sesuatu keadaan yang tidak baik kepada yang lebih baik. Ianya perlu dilihat merangkumi beberapa aspek yang harus dititikberatkan iaitu:

Pertama : Pembangunan jiwa. Merupakan proses untuk melahirkan jiwa yang bertaqwa. Tanpa jiwa yang bertaqwa, akan mengakibatkan fungsi akal dan fizikal lemah. Jiwa insan perlu diisi dengan perasaan cintakan Allah dan Rasul serta kehidupan akhirat. Ini akan menyedarkan kita tentang matlamat hidup kita di dunia ini sebagai hamba Allah dan khalifah Allah. Sebagai hamba kita perlu patuh dengan melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan larangan. Sebagai khalifah pula adalah menjadi tanggungjawab kita untuk memakmurkan muka bumi ini dengan berpandukan segala hukum hakam dan syariat Allah SWT meliputi aspek ekonomi, perubatan, pertanian, sains teknologi, pendidikan dan sebagainya.

Kedua : Pembangunan mental. Akal manusia perlu diisi dengan pelbagai jenis ilmu yang dianjurkan oleh Islam untuk mempelajarinya. Antaranya ialah ilmu Tauhid, Feqah, Tasawwuf dan juga ilmu sains, teknologi, matematik dan geografi. Pengisian ilmu yang bermanfaat haruslah dibangunkan dan dibentuk melalui musyawarah, penyelidikan dan pembacaan.

Ketiga : Pembangunan fizikal. Jika pembangunan jiwa dan mental sahaja yang dititikberatkan sedangkan fizikal lemah, maka tamadun Islam dan peribadi muslim akan terhalang pembangunannya. Miliki fizikal

yang sihat selaras dengan kehendak Allah SWT yang mahukan hamba-Nya menjadi khalifah di muka bumi ini. Tubuh yang sihat akan melahirkan akal yang sihat dan jiwa yang bersih.

SIDANG JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Hijrah itu adalah satu pengorbanan untuk membawa kepada perubahan. Tiada perubahan yang tidak memerlukan pengorbanan. Untuk mendapat atau mencapai perkara yang lebih baik, banyak pengorbanan yang perlu dilalui. Perubahan adalah satu tuntutan kehidupan. Setiap ummat Islam perlu mempunyai semangat dan cita-cita untuk berubah. Mengubah aqidah syirik kepada Tauhid, haram kepada halal, mazmumah kepada mahmudah, memang bukan satu perkara yang senang tanpa ada keikhlasan dan keinginan di hati kita. Nabi Muhammad SAW sendiri rela meletakkan diri Baginda dalam keadaan bahaya dengan ancaman bunuh. Baginda SAW bukan hanya mengubah perkara-perkara asas yang besar seperti amalan menyembah berhala kepada menyembah hanya Allah SWT, merubah kezaliman di zaman jahiliyyah kepada keadilan, penindasan sesama makhluk kepada kesaksamaan, malah perkara yang kecil seperti perayaan menyambut tahun baru dalam kalangan masyarakat jahiliyyah diubah kepada perayaan dua hari raya iaitu 'idulfitri dan 'iduladha. Terlalu banyak penghijrahan yang dilakukan oleh Baginda Rasulullah SAW demi membawa perubahan kepada ummat Islam ke arah '*siratul mustaqim*'. Kesemua ini memerlukan kefahaman yang mendalam dan juga pengorbanan jiwa dan azam yang tinggi tanpa ada rasa kecewa dan putus asa dengan tohmahan dan kritikan musuh-musuhnya.

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 218:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَالَّذِينَ هَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَولَتْكَ يَرْجُونَ رَحْمَتَ

اللَّهِ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

Maksudnya : "Sesungguhnya orang yang beriman, dan orang yang berhijrah serta berjuang pada jalan Allah (untuk menegakkan agama Islam), mereka itulah orang yang mengharap akan rahmat Allah dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani."

Juga hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim yang bermaksud : **"Sesungguhnya diterima amal perbuatan itu bergantung kepada niatnya, dan sesungguhnya bagi setiap orang akan mendapat apa yang diniatkannya. Sesiapa yang berhijrah kerana Allah dan Rasul-Nya, dia akan sampai kepada Allah dan Rasul-Nya. Sesiapa yang berhijrah menuju dunia yang akan diperolehinya atau menuju wanita yang hendak dinikahinya, dia akan mendapatkan apa yang diniatkannya."**

Firman Allah SWT dan hadis Nabi SAW yang dibaca sebentar tadi jelas menunjukkan bahawa setiap perbuatan, perlakuan dan perubahan yang ingin kita lakukan adalah sebaik-baiknya kerana Allah dan Rasul-Nya.

Ganjaran yang diberi oleh Allah SWT atas pengorbanan itu adalah rahmat-Nya yang berlipatganda.

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Semangat pengorbanan, perjuangan dan perpaduan yang diasaskan oleh Baginda SAW melalui peristiwa hijrah telah menjadikan ummat Islam antara ummat yang kuat, maju dan disegani musuh-musuh Islam. Namun setelah sekian lama, ummat Islam semakin leka dan lalai dengan nikmat yang dikurniakan Allah SWT. Semangat pengorbanan dan perjuangan untuk menegakkan syiar Islam ditukar dengan semangat pentingkan diri sendiri, malas berusaha dan mudah berputus asa. Pelbagai masalah yang menekan jiwa ummat Islam seperti kefahaman Islam yang cetek, penyelewengan aqidah, tidak mengamalkan keseimbangan dunia dan akhirat, perbalahan sesama ummat dan sebagainya telah mengakibatkan satu demi satu kerajaan Islam tumbang, ditakluki dan dijajah. Negara dibina di atas prinsip pengorbanan, justeru itu setiap warganegara seharusnya bersedia berkorban apa sahaja untuk membela kedaulatan negara dan menegakkan keadilan.

Ummat Islam perlu bangkit melakukan perubahan serta penghijrahan nilai-nilai Islam dalam diri mereka. Mereka perlu meletakkan al-Quran dan as-Sunnah sebagai perlembagaan dalam semua aspek kehidupan untuk menjadikan Islam itu sebagai agama yang sempurna. Seperti sabda Nabi SAW dalam hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari yang membawa maksud: ***"Orang yang sempurna Islamnya ialah orang yang kaum muslimin terselamat daripada gangguan lisan dan tangannya, dan***

orang yang berhijrah sebenarnya ialah orang yang meninggalkan apa yang dilarang oleh Allah."

Meyingkap kembali tahun demi tahun, adakah hijrah yang kita lakukan menepati syariat Islam?. Marilah sama-sama kita melihat kembali dan bermuhasabah akan hijrah kita. Adakah kita masih di takuk lama atau telah ada perubahan ketara yang kita lakukan?. Ataupun adakah kita tidak langsung terfikir untuk melakukan penghijrahan sama ada untuk diri, agama, keluarga, masyarakat dan negara kita?. Sebagai hamba kita wajib berhijrah untuk mencari cahaya keredhaan Allah SWT. Sebagai ahli atau pemimpin keluarga pula adalah menjadi tanggungjawab kita untuk mencari perubahan yang lebih baik demi memajukan keluarga kita dan demi negara, kita sebagai masyarakat dan rakyat sepatutnya sama-sama memahami kehendak dan hasrat kerajaan dalam membangunkan negara dan rakyat. Sebagai contoh, kita bekerja untuk menaikkan taraf hidup dan keluarga kita di samping membangunkan masyarakat dan negara. Bagaimana jika budaya kerja yang cemerlang kita tidak tingkatkan dari semasa ke semasa?. Mampukah negara membangun jika kita masih lagi mengamalkan sikap tidak ambil berat terhadap usaha-usaha yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh kerajaan untuk membangunkan negara menuju wawasan 2020?. Jawapan itu ada pada diri kita sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. Tanamlah sifat ingin berhijrah atau dengan kata lain ingin berubah kerana Islam tidak menyuruh kita berdiam diri dan hanya menunggu perubahan itu datang kepada kita seperti firman Allah SWT dalam surah ar-Ra'd, ayat 11:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ ۗ وَإِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِقَوْمٍ سُوءًا

فَلَا مَرَدَّ لَهُ ۗ وَمَا لَهُمْ مِّن دُونِهِ مِن وَالٍ ﴿١١﴾

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila dikehendakki oleh Allah keburukan kepada sesuatu kaum, maka tidak ada yang dapat menolak, dan tidak ada pelindung bagi mereka selain daripadaNya."

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Berdasarkan kepada peristiwa hijrah Rasulullah SAW, marilah sama-sama kita mengambil pengajaran-pengajaran, antaranya ialah:

Pertama : Keikhlasan. Kita tidak mendapat apa-apa jika kita tidak ada niat yang ikhlas dalam melakukan penghijrahan.

Kedua : Kemantapan sahsiah. Tanpa keperibadian muslim yang menjiwai maksud hijrah itu, tidak akan sampai ke arah perubahan yang dituju.

Ketiga : Stategi yang baik. Perlu ada perancangan untuk melakukan perubahan. Tanpa perancangan, matlamat sukar untuk

dicapai. Kita sering menyebut "manusia bukan merancang untuk gagal tetapi gagal untuk merancang".

Keempat : Sabar. Tanam sifat mahmudah ini kerana ia penting dalam setiap pergerakan. Tanpa kesabaran, kita akan mudah kecewa dan putus asa.

Kelima : Berada di dalam jemaah. Jangan hanya pentingkan diri sendiri. Setiap penghijrahan perlu ada gandingan dan kita tidak hidup sendiri di muka bumi Allah SWT ini.

Keenam : Pengorbanan. Ia merupakan sifat mulia untuk menjayakan sesuatu perubahan. Tiada kejayaan atas perubahan kita melainkan dengan pengorbanan masa, harta benda, tenaga dan keluarga.

Sesuai dengan semangat Ma'al Hijrah yang kita sambut setiap tahun, ummat Islam perlu membetulkan kesilapan dan kelemahan diri. Sekiranya setiap tahun baru Masihi, kita sering berazam untuk melakukan pelbagai perkara, apatah lagi kita sebagai ummat Islam seharusnya pada setiap tahun baru Hijrah, kita menanam azam untuk melakukan penambahbaikan ke atas diri kita berteraskan syariat Islam yang agung.

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah sama-sama kita menghayati firman Allah SWT dalam surah at-Taubah, ayat 20 :

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ أَكْبَرُ

دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ ﴿٢٠﴾

Maksudnya : “Orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka adalah lebih besar darjatnya di sisi Allah; dan mereka itulah orang-orang yang berjaya.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَتَفَعَّلِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.